

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan harian hampir 20,000

19,819 kes baharu, 257 kematian rekod angka tertinggi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia sekali lagi mencatatkan kes harian dan kematian tertinggi apabila 19,819 lagi kes baharu akibat COVID-19 dengan 257 kematian dilaporkan, semalam.

Angka itu terus meningkat menghampiri 20,000 kes sejak tiga kes pertama COVID-19 di negara ini dilaporkan pada Januari tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata secara keseluruhan bagi kes baharu yang dikesan semalam, hanya 3,592 kes, iaitu 18.1 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan mempunyai sejarah vaksinasi.

"Ia adalah 842 kes dalam kategori satu, kategori dua (2,671), kategori tiga (61), kategori empat (10) dan kategori lima (lapan),"

katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 19,444 kes yang dikesan semalam bersamaan 98.1 peratus berada dalam kategori satu dan dua, iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan.

"Sebanyak 375 kes atau 1.9 peratus pula berada dalam kategori tiga hingga lima, iaitu mempunyai radang paru-paru yang memerlukan bantuan oksigen serta kritikal.

"Kes kematian hari ini (semalam) membabitkan 91 kes di Selangor; Kuala Lumpur (74), Johor (25), Melaka (24), masing-masing sembilan kes di Negeri Sembilan dan Perak serta lapan kes di Kedah.

"Sabah turut mencatatkan enam kes kematian, Terengganu (empat), masing-masing tiga kes di Pulau Pinang dan Kelantan serta satu di Pahang, menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini 9,855 kes," katanya sehingga jam 12 tengah hari semalam sebanyak 12,704 kes sembuh dilaporkan.

Beliau berkata, semua negeri mencatatkan kes semalam dengan lima negeri dan Wilayah Persekutuan melaporkan kes empat angka, termasuk Selangor se-

banyak 8,377 kes, Kuala Lumpur (2,467), Johor (1,162), Kedah (1,371) dan Kelantan (1,003).

"Selain itu, Sabah 949 kes, Pulau Pinang (867), Negeri Sembilan (800), Perak (662), Pahang (558) Sarawak (552) dan Melaka (508).

"Turut mencatatkan kes, Terengganu 481 kes, Putrajaya (46) Perlis (11) dan Labuan (lima). Dengan pertambahan kes baharu itu, ia menjadikan jumlah kes aktif kini mencecah 210,522 kes.

"Daripada jumlah itu, 1,069 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 553 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kes indeks membabitkan kanak-kanak dilihat semakin membimbangkan dan terbaru membabitkan kanak-kanak perempuan berusia setahun yang menjadi punca tercekus Kluster Kampung Merak Palekbang di Tumpat, Kelantan.

Katanya, sehingga kini kluster itu sudah menjangkiti 34 individu.

"Kes indeks kluster ini mempunyai gejala sejak 22 Julai lalu dan kemudian dilaporkan positif virus empat hari kemudian dengan sehingga kini seramai 51 kontak rapat sudah disaring.

19,444 kes dikesan semalam bersamaan 98.1 peratus berada dalam kategori satu dan dua, iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



"Terdapat 35 kluster baharu dikesan Kementerian Kesihatan (KKM) semalam membabitkan 20 kluster komuniti, tempat kerja (14) dan aktiviti keagamaan (satu)," katanya.

Mengenai kluster lain yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, tiga kluster daripadanya membabitkan aktiviti ziarah, rentas negeri (dua) dan majlis pengebumian (satu).

"Bagi kluster ziarah ketika perayaan sehingga kini sudah menjangkiti 92 individu. Kluster itu dikenali Kluster Kampung Changgong Melawi, Kluster Kampung Belimbing Jeli di Kelantan dan Kampung Belun Baru di Perak.

"Bagi dua kluster rentas negeri, ia dikenali Kampung Tanah Lot Merchang di Terengganu dan Pahang iaitu kes indeks mempunyai sejarah rentas negeri bagi menghadiri satu majlis perkahwinan dan sudah menjangkiti 43 individu," katanya.

Beliau berkata, kluster kedua pula dikenali Kluster Samak Melintang di Perak yang sudah menjangkiti 14 individu.

9 lokaliti di lima negeri kena PKPD bermula esok

Putrajaya: Sembilan lokaliti di Perak, Johor, Kelantan, Sabah dan Selangor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula esok sehingga 19 Ogos ini berikutan peningkatan kes COVID-19.

Menteri Kanan Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata ia membabitkan Taman Puteri, Kluang di Johor; Taman Sri Kebakat, Tumpat, Kelantan; dua lokaliti di Kunak, iaitu Perumahan Ladang Mostyn dan Kampung Kasnuri, Kampung Kuala Mengalung, Sipitang, dua lokaliti di Kota Kinabalu iaitu Kampung Tanjung Aru Lama dan Universiti Apartment 1, Sabah.

Selain itu, Kampung Menteri Kuala Sepetang, Mukim Matang, Larut Matang Selama; dua kilang Comfort Rubber Glove dan Asrama Kilang Comfort Glove, Larut Matang Selama; Kampung Belun Baru, Hulu Perak, Perak dan Gugusan Semarak, PJU 5, Kota Damansara, Selangor.

"Selepas meneliti pembentangan Kementerian Kesihatan (KKM) dan penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, PKPD akan dilaksanakan di lokaliti terbabit.

"Prosedur operasi standard (SOP) bagi semua PKPD adalah sama seperti diumumkan sebelumnya ini dan maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang Majlis Keselamatan Negara (MKN) di www.mkn.gov.my," katanya dalam kenyataan media Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan PKPD, semalam.

Beliau berkata, PKPD di empat lokaliti ditamatkan hari ini, manakala satu lagi ditamatkan lebih awal daripada tarikh dijadualkan.

"Ia membabitkan PKPD di Kondominium One Borneo, Kota Kinabalu, Kampung Istimewa, Batu Sapi dan Taman Merpati di Sandakan, Sabah serta FELDA Jengka 12, Jerantut, Pahang yang dijadualkan tamat esok (hari ini). PKPD di Bandar Pulau Jaya, Mukim Sungai Raia, Kinta, Perak ditamatkan lebih awal daripada yang dijadualkan," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, sebanyak 41 premis diarahkan tutup serta ketika pemeriksaan Pasukan Task Force Operasi Pematuhan SOP perintah kawalan PPN yang dijalankan di seluruh negara, semalam.

Pesakit bayi, kanak-kanak meningkat

Kota Bharu: Pesakit COVID-19 dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berusia 28 hari hingga 12 tahun di Kelantan meningkat antara 25 hingga 30 peratus dalam tempoh dua minggu ini.

Pengarah Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Kelantan, Dr Mohd Zurairie Mohd Zubir, berkata peningkatan itu melebihi 200 orang berbanding hanya di bawah 130 pesakit sebelum ini dan ia dilihat sebagai amat membimbangkan.

"Faktor peningkatan kes disebabkan pertambahan jumlah positif COVID-19 dalam kalangan dewasa. Kanak-kanak ini didapati positif bagi kategori 1 dan 2. Mereka kemungkinan besar mendapat jangkitan daripada ibu bapa, penjaga atau ahli keluarga yang menjadi kontak rapat," katanya.

Beliau berkata demikian keti-

ka ditemui selepas menerima sumbangan 200 kotak makanan untuk kanak-kanak yang disampaikan Pemilik GMF Ideal Gift Supply, Woon Sneau Huey di PKRC Tanjung Chat, di sini, semalam pada majlis turut dihadiri Pengarah Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Datuk Dr Selasawati Ghazali.

Dr Mohd Zurairie berkata, kanak-kanak di bawah umur akan ditempatkan di PKRC bersama ibu bapa atau penjaga mereka.

"Jika ibu bapa negatif COVID-19, mereka akan ditempatkan di bilik khas yang kita sediakan di beberapa PKRC untuk mengurangkan risiko jangkitan," katanya menasihatkan rakyat terus patuh prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan untuk mengekang penularan COVID-19 di negeri ini.

Sementara itu, katanya, beberapa PKRC dibuka semula di Ke-



Dr Selasawati Ghazali mendengar penerangan daripada Dr Mohd Zurairie ketika meninjau keadaan pesakit melalui paparan skrin di PKRC Tanjung Chat, Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

lantan susulan peningkatan kes jangkitan virus itu sejak beberapa hari lalu, termasuk di Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK) Kampung Laut yang beroperasi semalam dan dapat menempatkan 250 pesakit, iaitu 130 lelaki dan 120 wanita.

Terkini COVID-19 12,704 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

19,819 Kes baharu disahkan, semalam

9,855 Jumlah kematian dicatat

1,183,110 Jumlah disahkan positif

210,522 kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2-3

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 terus mencatatkan peningkatan apabila sebanyak 19,819 kes dicatatkan semalam iaitu rekod tertinggi sejak pandemik itu melanda negara tahun lalu.

Ia menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,183,110 kes dengan 210,522 kes aktif dan 257 kematian iaitu jumlah tertinggi setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 375 kes atau 1.9 peratus terdiri daripada kategori 3, 4 dan 5 iaitu mengalami radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal.

"Sebanyak 19,444 kes atau 98.1 peratus lagi kategori 1 dan 2 yang tidak bergejala serta mengalami gejala ringan berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa Covid-19.

"Ada antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhannya, hanya 3,592 kes atau 18.1 pe-

KES HARIAN COVID-19

Rekod tertinggi 19,819 kes, 257 nyawa terkorban

ratus daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini (semalam) mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 19,819 kes dilaporkan, 23 kes adalah kes import manakala 19,796 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 8,377 kes diikuti Kuala Lumpur (2,467 kes) dan Kedah (1,371 kes), Johor (1,162 kes), Kelantan (1,003 kes).

"Sabah mencatatkan 949 kes diikuti Pulau Pinang (867 kes), Negeri Sembilan (800 kes), Perak (662 kes), Pahang

(558 kes), Sarawak (552 kes), Melaka (508 kes), Terengganu (481 kes), Putrajaya (46 kes), Perlis (11 kes) dan Labuan (lima kes)," katanya.

Beliau berkata, seramai 1,069 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 553 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, sebanyak 12,704 kes dilaporkan pulih menja-

dikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 962,733 kes atau 81.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.


Dr Noor Hisham berkata, daripada 257 kematian yang dilaporkan, 226 adalah warga tempatan serta 31 warga asing.

Katanya, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 91 kes diikuti Kuala Lumpur (74 kes) dan Johor (25 kes), Melaka (24 kes); masing-masing sembilan di Negeri Sembilan dan Perak; lapan di Kedah,

enam di Sabah, empat di Terengganu, masing-masing tiga kes di Pulau Pinang dan Kelantan, serta satu kes di Pahang.

"Kes-kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 9,855 kes atau 0.83 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

“
Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi
Dr Noor Hisham



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



KEADAAN PKRC Tanjung Chat yang menempatkan pesakit Covid-19 dalam kalangan bayi dan kanak-kanak di Kelantan, semalam.



FOTO: NIK ABDULLAH NIK OMAR

218 kanak-kanak dijangkiti

Penularan koronavirus membabitkan budak meningkat sehingga 30 peratus di Kelantan

Kota Bharu

Penularan jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak di Kelantan membimbangkan apabila berlaku peningkatan 25 hingga 30 peratus kemasukan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di daerah ini sejak dua minggu lalu.



Penularan jangkitan dalam kalangan kanak-kanak sukar dikawal tambahan pula mereka belum divaksin"

Dr Mohd Zurairie

Pengarah PKRC Kelantan Dr Mohd Zurairie Mohd Zubir berkata jangkitan Covid-19 kepada kanak-kanak disyaki berpunca daripada pesakit dewasa dalam kalangan ahli keluarga mereka.

"Setakat hari ini (semalam) seramai 218 pesakit kanak-kanak dalam kategori satu dan dua ditempatkan di PKRC Dewan Pusat Tarbiyah

Islamiah Kelantan (Putik) dan PKRC Institut Latihan Perindustrian (ILP), kedua-duanya di Pengkalan Chepa.

"Statistik ini membimbangkan kerana penularan jangkitan dalam kalangan kanak-kanak sukar dikawal tambahan pula mereka belum divaksin," katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas menerima 200 pek makanan kanak-kanak sumbangan Persatuan Tzu Chi Buddhist Kelantan dan Pertubuhan Gabungan Bantuan Bencana NGO Malaysia di PKRC Tanjung Chat di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Mohd Zurairie berkata PKRC Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampung Laut, Tum-

pat yang memiliki 250 katil dan berada dalam mod siap sedia sebelum ini akan dibuka semula hari ini menjadikan 13 pusat berkenaan beroperasi di seluruh negeri.

"Secara keseluruhan ketika ini 1,755 daripada 2,500 katil di 12 PKRC yang dibuka sudah digunakan (tidak termasuk 250 katil di SMK Kampung Laut)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEGARA

Trend jangkitan setiap hari bakal lonjakkan kematian melepasi angka 10,000

Korban Covid-19 di ICU makin ramai

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Jumlah kematian akibat Covid-19 kini di negara ini dilihat semakin meruncing apabila merekodkan sebanyak 9,384 orang terkorban hanya dalam tempoh 7 bulan pertama tahun ini berbanding hanya 471 kes sepanjang tahun lalu.

Ketika ini jumlah pesakit di unit rawatan rapi (ICU) turut meningkat dengan jumlah pesakit yang memerlukan alat bantuan pernafasan sebagai talian hayat bertambah mendadak berbanding sebulan lalu.

Kes kematian dijangka melepasi angka 10,000 hari ini dan negara merekodkan sebanyak 19,819 kes jangkitan harian semalam dengan Selangor kekal menjadi negeri mempunyai jumlah kes tertinggi.

Jumlah kes terkumpul bagi seluruh negara meningkat kepada 1,183,110 sehingga semalam.

Kedudukan itu mengakibatkan berlaku kesesakan di wad ICU hospital sedia ada sehingga mendorong Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membina hospital medan bagi menampung pertambahan pesakit kronik.

Pakar Perunding Perubatan Hospital Pakar Salam Senawang, Datuk Seri Dr. Zulkornain Ahmad berkata, kematian akibat Covid-19 akan terus meningkat berdasarkan trend kenaikan kes harian melebihi 15,000 sehari ketika ini.

"Jika kita lihat jumlah pesakit yang dirawat di ICU, angkanya memang tinggi iaitu melebihi 1,000, malah ramai daripada mereka yang positif turut mempunyai la-



PETUGAS kesihatan terpaksa memilih mereka yang berpotensi untuk pulih kerana kekurangan fasiliti ekoran pertambahan mendadak pesakit ketika ini. – AFP

tar belakang pelbagai penyakit.

"Secara konsepnya, kebanyakan kes kematian Covid-19 banyak melibatkan pesakit mempunyai sejarah penyakit dan keadaan itu memberi terjemahan awal tentang nasib mereka di ICU," katanya ketika dihubungi Kosmo di sini semalam.

Tambahnya, petugas perubatan mahu memberikan rawatan terbaik kepada semua pesakit khususnya di ICU tetapi disebabkan peningkatan kes secara drastik selain kekurangan fasiliti menyebabkan hasrat itu terbatas.



KESESAKAN di wad ICU hospital sedia ada mendorong ATM membina hospital medan bagi menampung jumlah pesakit.

Menurut Dr. Zulkornain, secara jujur, petugas perubatan di ICU ketika ini berada di dalam dilema kerana perlu memberi keutamaan kepada pesakit yang mempunyai potensi un-

tuk pulih berbanding yang tiada harapan.

"Kalau boleh, kita memang mahu menyelamatkan ramai orang, namun terpaksa memilih pesakit yang berpotensi pulih

sekaligus dapat mengurangkan kadar kematian," jelasnya.

Dalam pada itu, Dr. Zulkornain tidak menolak kemungkinan peningkatan kes kematian Covid-19 untuk tempoh dua minggu lalu turut dipengaruhi oleh tindakan berkenaan.

Ujarnya, ada kemungkinan kes kematian Covid-19 meningkat disebabkan petugas perubatan terpaksa menghentikan bantuan pernafasan seseorang pesakit dan memberikan kepada yang berpeluang pulih.

"Petugas perubatan kemungkinan terpaksa memilih pesakit yang ada peluang pulih berbanding dengan yang menunjukkan harapan tipis," jelasnya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Epidemiologi) Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Nazarudin Safian turut menjangkakan peningkatan angka kematian berdasarkan situasi semasa.

Bagaimanapun, katanya, angka tersebut mungkin dapat dikurangkan dalam tempoh beberapa bulan lagi selepas Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mula membuahkan hasil.

"Pesakit Covid-19 yang sudah lengkap vaksin mengalami simptom lebih ringan dan ia membantu untuk mengurangkan kesesakan di ICU dan wad hospital.

"Selain itu, Kementerian Kesihatan juga perlu memaklumkan kepada rakyat tentang punca jangkitan Covid-19 bagi membolehkan orang ramai mengetahui situasi sebenar," ujarnya.



BEBERAPA pesakit Covid-19 mendapatkan rawatan ketika dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang baru-baru ini.

Angka korban harian cecah 257, pesakit kritikal terus bertambah

PETALING JAYA – Seramai 1,069 pesakit Covid-19 kini sedang bertarung nyawa di unit rawatan rapi (ICU) di hospital seluruh negara dengan 553 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Perkembangan itu sangat membimbangkan kerana ia bakal menyumbang kepada kadar kematian melepasi angka 10,000, dengan 257 angka korban direkodkan semalam menjadikan jumlah terkumpul seramai

9,855.

Berdasarkan statistik kematian Covid-19 Kementerian Kesihatan, angka kematian merekodkan angka melebihi 100 orang sehari dalam tempoh dua minggu lalu.

Antara kes kematian tertinggi dicatatkan pada Julai lalu antaranya 207 kes (26 dan 27 Julai), 199 kes (21 Julai), 184 kes (24 Julai) dan 165 kes (31 Julai).

Isnin lalu, Malaysia turut men-

catkan kes kematian tertinggi iaitu 219 orang.

Selain itu, jumlah pesakit Covid-19 yang dirawat di ICU dan mereka yang memerlukan bantuan alat pernafasan turut menunjukkan peningkatan secara berterusan.

Dalam tempoh yang sama, pesakit yang memerlukan bantuan alat pernafasan turut meningkat menjadi 523 orang berbanding 448 pada 20 Julai lalu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

19,819 kes direkodkan semalam dengan jumlah kematian sebanyak 257 orang

Jangkitan harian hampir 20,000 kes

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes harian negara mencatat rekod sekali lagi apabila melonjak melepasi angka 19,000 dengan 19,819 kes, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,183,110 kes.


Dalam masa sama, Malaysia turut merekodkan kes kematian Covid-19 dengan 257 kes termasuk 31 warga asing, menjadikan jumlah kes kematian terkini sebanyak 9,855 kes.

Kesemua kes kematian semalam melibatkan 137 lelaki dan 120 wanita, manakala 21 lagi meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID) serta 206 kes ada sejarah penyakit.

Pesakit sedang dirawat dan diasingkan terus meningkat kepada 210,522 kes termasuk 1,069 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 553 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada jumlah kes harian semalam, Selangor melepasi angka 8,000 dengan 8,377 kes, diikuti oleh Kuala Lumpur (2,467 kes), Kedah (1,371 kes), Johor (1,162 kes) dan Kelantan (1,003 kes).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 375 kes (1.9 peratus) daripada kes harian semalam adalah kategori



SEBANYAK 3,592 individu daripada 19,819 kes positif yang direkodkan semalam mempunyai sejarah imunisasi Covid-19. – GAMBAR HIASAN.

tiga, empat dan lima, manakala 19,444 kes (98.1 peratus) daripada kategori satu dan dua.

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu diagnosis Covid-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya

3,592 kes (18.1 peratus) daripada jumlah kes tersebut mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, sebanyak 87 kes kategori lima (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan) direkodkan semalam dengan 79 kes atau 90.8 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Selain itu, 108 kes kategori empat (radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen)

dengan 98 kes atau 90.7 peratus tiada sejarah vaksinasi. Kategori tiga (radang paru-paru) merekodkan 180 kes dengan 119 kes atau 66.1 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Sebanyak 9,443 kes kategori dua (bergejala ringan) dengan 6,772 kes atau 71.7 peratus tiada sejarah vaksinasi, manakala 10,001 kes kategori satu (tidak bergejala) dengan 9,159 kes atau 91.6 peratus tiada sejarah vaksinasi," katanya.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	19,819
Import:	23
Tempatan:	19,796
Pulih	12,704
Kematian	257
Masih dirawat	210,522
Jumlah kes sembuh	962,733
Jumlah Kematian	9,855
Jumlah kes keseluruhan	1,183,110

Sementara itu, Noor Hisham berkata, sebanyak 35 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 20 kluster komuniti, 14 kluster tempat kerja dan satu kluster keagamaan.

Berhubung kadar kebolehan jangkitan pada kelmarin, beliau berkata, nilai RT sebanyak 1.07 dengan negeri mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Kelantan (1.31), diikuti Terengganu (1.27) dan Perak (1.24).

Berhimpit 1km dapatkan vaksin

SHAH ALAM – Ratusan pekerja asing dilihat membanjiri Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) di Seksyen 7, di sini semalam.

Tinjauan Kosmo! mendapati mereka beratur sepanjang satu kilometer (km) seawal pukul 8.30 pagi mendapatkan giliran untuk vaksinasi.

Kesemua mereka dipercayai dari kilang sekitar dan luar daerah didapati gagal mematuhi penjarakan fizikal yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Situasi itu menimbulkan kebimbangan wujudnya kluster PPVIN berikutan kegagalan mereka mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan.

Seorang penduduk di Jalan Plumbum, Seksyen 7, Suhaimi Hashim, 51, berkata, keadaan tidak terkawal itu dikhuatiri akan menyebarkan penularan wabak yang pasti memburukkan lagi keadaan.

"Sepatutnya ada satu kaedah pengawasan orang ramai yang beratur di kawasan tersebut. Jangan sampai ada kluster vaksin pula di kawasan sekitar," katanya.



SEBAHAGIAN warga asing yang menunggu untuk mendapatkan vaksin didapati tidak mematuhi SOP di luar PPVIN Seksyen 7, Shah Alam semalam.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Norliza Shapie, 49, memberitahu, selain tidak mengikut SOP, pekerja-pekerja tersebut dipercayai membuang sampah seperti bekas makanan

dan air merata-rata sehingga mengotorkan lokasi tersebut. "Kita semua tahu kepentingan vaksin ini, namun perlu dikawal selia termasuk di luar PPVIN ini," jelas Norliza.

Kapasiti katil hospital, PKRC ditingkatkan

PUTRAJAYA – Inisiatif meningkatkan kapasiti katil Covid-19 dan katil unit rawatan rapi (ICU) di hospital awam, hospital swasta termasuk Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC), antara enam langkah penting diambil Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STF).

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Chong Chee Keong berkata, langkah itu bagi mengatasi situasi semasa pertambahan kes positif di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Beliau yang juga Komander GKV STF berkata, beberapa kawasan di hospital akan ditukar fungsi kepada wad pesakit.

"Ketika ini, terdapat 29 hospital awam, 51 hospital swasta dan dua PKRC yang menyediakan rawatan bagi pesakit Covid-19 termasuk empat hospital penuh Covid-19 iaitu

Hospital Ampang, Hospital Serdang dan Hospital Sungai Buloh.

"Selain itu, pesakit bukan Covid-19 juga akan diantar ke hospital swasta bagi membolehkan lebih banyak katil di hospital kerajaan dapat digunakan untuk pesakit Covid-19," katanya semalam.

Tambahnya, GKV STF juga akan meningkatkan perkhidmatan ambulans dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Chee Keong berkata, pihaknya juga akan memperkenalkan isolasi di rumah dan peman-taan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) secara maya bagi pesakit positif yang tidak bergejala dan bergejala ringan.

Katanya, pihaknya akan bekerjasama dengan NGO dan sukarelawan bagi melaksanakan aktiviti pengesanan kontak.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tiada pesakit tidur atas lantai

HTAR nafi dakwaan bekalan dan peralatan perubatan tidak mencukupi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR

SHAH ALAM

Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang menafikan laporan sebuah portal berita

yang mendakwa bekalan dan peralatan perubatan di hospital berkenaan tidak mencukupi.

Pengarah HTAR, Dr Zulkarnain Mohd Rawi berkata, hasil semakan dan siasatan mendapati tiada pesakit tidur di atas

**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

lantai atau kadbod di mana-mana kawasan di Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR.

Malah katanya, pesakit Covid-19 yang dipindahkan dari Jabatan Kecemasan dan Trauma ke wad sementara di Kompleks Rawatan Harian (ACC) pula berada dalam keadaan selesa kerana dilengkapi dengan penyaman udara.

"Sekiranya tiada katil yang mencukupi untuk menampung jumlah mereka, pesakit akan diletakkan di kerusi atau kerusi roda buat sementara waktu," katanya

dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tegas beliau, dakwaan bahawa pesakit terpaksa tidur di atas lantai beralaskan kadbod adalah tidak benar.

Mengulas lanjut, Dr Zulkarnain berkata, pihaknya se-



Kerja-kerja pembinaan hospital medan sedang giat dilakukan di HTAR, Klang.

dang menunggu pembukaan hospital medan di HTAR yang dijangka beroperasi dalam beberapa hari lagi bagi menampung jumlah pesakit Covid-19 yang ramai di hospital itu.

"Pihak hospital sentiasa

mengalukan sebarang maklum balas daripada orang awam untuk penambahbaikan bagi memastikan akses kesihatan dan rawatan saksama kepada semua pesakit yang menerima rawatan di hospital ini," katanya.

Selasa lalu, sebuah portal berita melaporkan bekalan dan peralatan perubatan tidak mencukupi di HTAR, Klang.

Laporan itu turut dikongsi seorang bekas pemimpin negara menerusi Facebook beliau.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Jangkitan baharu 19,819 kes, 257 mangsa maut

Pecah rekod lagi

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kes positif dan kematian Covid-19 memecah rekod tertinggi lagi semalam iaitu 19,819 kes baharu dengan 257 kematian sekali gus tiada tanda-tanda penularan wabak akan turun dalam tempoh terdekat.

Rekod sebelum ini 17,786 kes pada Sabtu lalu dan 219 kematian tertinggi Isnin lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 19,819 kes positif, sebanyak 375 kes membabitkan kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 19,444 kes lagi daripada kategori satu dan dua.

Menurut beliau, secara keseluruhan, hanya 3,592 kes atau 18.1 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan membabitkan pesakit yang sudah menerima vaksin.

"Kes sembuh direkodkan sebanyak 12,704 kes dengan 1,069 kes masih dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 553 kes memerlukan bantuan pernafasan manakala 210,522 kes masih aktif," kata beliau dalam kenyataannya semalam.

Kata Noor Hisham, daripada 257 kes kematian, Selangor terus kekal menjadi penyumbang terbesar dengan 91 kes diikuti 74 kes di Kuala Lumpur, 25 kes di Johor, 24 kes di Melaka, masing-masing sembilan kes



PETUGAS agama dan jabatan kesihatan mengebumikan jenazah mangsa Covid-19 di Tanah Perkuburan Islam Bandar Ainsdale di Seremban pada 2 Ogos lalu. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

di Negeri Sembilan dan Perak, lapan kes di Kedah, enam kes di Sabah, empat kes di Terengganu, masing-masing tiga kes di Pulau Pinang dan Kelantan serta satu kes di Pahang.

Kata beliau, kematian melibatkan 137 lelaki dan 120 wanita dengan mangsa dalam kalangan warga asing seramai 31 orang serta 21 kes meninggal dunia di luar hospital dan 206 pesakit mempunyai latar belakang penyakit.

Selain itu, menurut beliau, Selangor juga terus menjadi penyumbang terbesar angka jangkitan apabila merekodkan 8,377 kes, diikuti Kuala Lum-

pur (2,467), Kedah (1,371), Johor (1,162) manakala Kelantan (1,003).

"Lapan negeri mencatatkan kes tiga angka iaitu Sabah (949), Pulau Pinang (867), Negeri Sembilan (800), Perak (662), Pahang (558), Sarawak (552), Melaka (508) dan Terengganu (481).

"Putrajaya mencatat kes dua angka iaitu 46 kes manakala Perlis (11) dan Labuan (5)," katanya.

Tambahnya, sebanyak 35 kluster direkodkan dengan 20 membabitkan kluster komuniti serta 14 kluster tempat kerja dan satu kluster keagamaan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

HTAR nafi pesakit duduk atas kadbod

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang menafikan terdapat pesakit yang terpaksa duduk di atas lantai di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital itu akibat penerimaan pesakit yang ramai.

Penafian itu dibuat susulan dakwaan sebuah portal berita mendakwa terdapat pesakit yang terpaksa duduk di atas lantai beralaskan kadbod selama dua hari, malah, berita itu turut dikongsi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam media sosialnya.

Pengarah HTAR, Dr. Zulknain Mohd. Rawi dalam kenya-

taan memaklumkan, kejadian sedemikian tidak berlaku dan menafikan mengalami kekurangan bekalan peralatan dan perubatan di hospitalnya.

“Pihak hospital ingin menjelaskan bahawa setelah semakan dan siasatan dibuat, tiada pesakit didapati duduk di atas lantai atau kadbod di mana-mana kawasan di Jabatan Kecemasan dan Trauma.

“Malah, jabatan berkenaan kini sedang menunggu pembukaan Hospital Lapangan di HTAR yang dijangka beroperasi dalam beberapa hari lagi bagi menampung jumlah pesakit Covid-19 yang agak ramai di HTAR,” katanya.

Terdahulu, portal berkenaan dilihat melaporkan menerima

keluhan daripada seorang pesakit yang meminta ahli keluarganya menghantarkan alas kadbod untuk duduk di atas lantai berikutan katil dan kerusi di hospital itu penuh.

Bagaimanapun, Dr. Zulknain menjelaskan sekali lagi, pesakit Covid-19 yang menerima rawatan di HTAR akan dipindahkan ke wad sementara di Kompleks Rawatan Harian (ACC).

“Pesakit di wad sementara di ACC berada dalam keadaan selesa kerana dilengkapi dengan penghawa dingin. Untuk makluman, sekiranya tiada katil yang mencukupi untuk menampung jumlah mereka, pesakit akan ditempatkan di kerusi atau kerusi roda terlebih dahulu,” jelasnya.

Covid-19: Pesakit kanak-kanak, bayi naik 30 peratus di Kelantan

KOTA BHARU: Pesakit Covid-19 berusia 12 tahun dan ke bawah yang dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Kelantan meningkat 30 peratus dalam tempoh dua minggu lalu.

Bagi tempoh sama, aktiviti ziarah sempena perayaan, majlis perkahwinan dan aktiviti keagamaan dikesan antara punca kluster baharu yang menyaksikan kes harian melonjak mencecah 1,003 hari ini, iaitu tertinggi pernah direkodkan di Kelantan.

Pengarah PKRC Kelantan, Dr. Mohd. Zurairie Mohd. Zubir berkata, setakat ini, bilangan pesakit kanak-kanak dan bayi yang ditempatkan di PKRC sudah mencecah 200 orang.

Menurut beliau, kebanyakan pesakit berkenaan tidak akan dipisahkan dengan ibu bapa masing-masing apabila dikuarantin di PKRC yang sama, kecuali pesakit kritikal yang ditempatkan dalam bilik berasingan.

“Pesakit kanak-kanak dan bayi ini biasanya kita tempat-

kan di PKRC Putik dan PKRC Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Pengkalan Chepa.

“Keadaan di PKRC Putik kini bertambah sesak dengan pesakit meningkat tiga kali ganda dan mencapai 300 orang. Disebabkan ada pesakit kanak-kanak dan bayi, kita perlu menyediakan makanan berbeza dengan pesakit dewasa,” kata beliau selepas menerima sumbangan 200 kotak makanan dari Persatuan Tzu Chi di PKRC Tanjung Chat, di sini semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

PANDEMIC WATCH

DAILY CASES HIT RECORD HIGH OF 19,819 WITH 257 DEATHS

Selangor continues to record the highest number of new infections at 8,377

DAWN CHAN
AND FARAH SOLHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA logged its highest increase of daily new Covid-19 cases yesterday with 19,819 infections and the most fatalities at 257.

Health director-general Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah said this pushed the cumulative infections to 1,183,110 since the pandemic hit the country last year.

Selangor continued to record the highest number of new in-

fections at 8,377 followed by Kuala Lumpur (2,467) and Kedah (1,371).

Johor recorded 1,162 new cases, followed by Kelantan (1,003), Sabah (949), Sarawak (552), Negri Sembilan (800), Penang (867), Perak (662), Melaka (508), Pahang (558), Terengganu (481), Labuan (five), Putrajaya (46) and Perlis (11).

In Selangor, 4,874 of the new infections involved those who had close contact with positive cases, 414 infections from clusters, 3,087 from other causes, while two were imported cases.

Dr Noor Hisham said 98.1 per cent (19,444 cases) out of the new infections were Category 1 and 2 patients, while 1.9 per cent (375 cases) were from Category 3, 4 and 5.

"This is based on the clinical conditions of newly diagnosed Covid-19 patients.

"There are some cases that remain in the same category throughout the infection period, but there are those whose health

status changes to either improve to a better category or deteriorated," he said in a statement yesterday.

He said 3,592 or 18.1 per cent of the cases recorded yesterday had been administered Covid-19 vaccines, with 3,513 either in Category 1 (asymptomatic) or Category 2 (minor symptoms).

"A total of 61 of the vaccinated patients were in Category 3 (have pneumonia), while 10 were in Category 4 (have pneumonia and requiring oxygen).

"Only eight who had been inoculated were in Category 5 (critical and requiring ventilator support)."

On the fatalities, Dr Noor Hisham said 91 deaths were reported in Selangor, Kuala Lumpur (74), Johor (25), Melaka (24), nine each in Negri Sembilan and Perak, Kedah (eight), Sabah (six), Terengganu (four), three each in Penang and Kelantan Pahang (one).

This was the third time Malaysia's Covid-19 fatality rate

had crossed the 200-threshold after 207 people succumbed to the virus on July 26 this year and 219 on Aug 2.

Dr Noor Hisham said 21 brought-in-dead (B.I.D.) cases were recorded yesterday with Selangor logging eight cases, Kuala Lumpur (five), Johor (two), Perak (two) and Sabah (four). A total of 236 fatalities occurred at hospitals.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said 35 new clusters were detected yesterday. Of these, 14 were related to workplaces involving 737 Covid-19 cases while 20 were community clusters with 636 reported cases and one religious cluster with 11 cases.

"There are 1,161 active clusters while 2,635 clusters have ended." He said 2,704 new recoveries were recorded yesterday, raising the cumulative number to 962,733.

"However, 1,069 patients have been warded in the Intensive Care Units, with 553 requiring ventilator support."

Greater KL task force boosting Covid-19 measures

KUALA LUMPUR: The Greater Kuala Lumpur Special Task Force is ramping up efforts to improve Covid-19 management in Selangor, the Federal Territory of Kuala Lumpur and Negri Sembilan.

The initiatives include increasing the capacity of Covid-19 hospitals and strengthening collaborations in terms of ambulance services with various agencies.

Health deputy director-general Dr Chong Chee Kheong said there were 29 government hospitals, 51 private hospitals and two Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centres catering to Covid-19 cases.

"These include the four full Covid-19 hospitals, which are Ampang Hospital, Serdang Hospital, Selayang Hospital and Sungai Buloh Hospital.

"We will be increasing the hospitals' capacities, including the number of beds, and intensive care unit beds by re-

purposing some areas in the hospitals into patients wards.

"Non-Covid-19 cases will be outsourced to private hospitals, which will allow more beds in the government hospitals for Covid-19 patients.

"We will also strengthen our collaborations for ambulance services with the Civil Defence Force, Fire and Rescue Department and non-governmental organisations (NGOs) including the Malaysian Red Crescent and St John Ambulance," he said in a statement yesterday.

Dr Chong, who is also the task force commander, said Covid-19 asymptomatic and mild-symptom patients would be monitored through the virtual Covid-19 Assessment Centre.

"We will also collaborate with NGOs and volunteers in strengthening contact tracing activities."

He said government hospitals would strive to ensure that every patient received optimal treatment. He also advised the public to adhere to standard operating procedures even though they had completed their vaccination cycle.



Dr Chong Chee Kheong

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION/NEWS

RECORD HIGH

OVER 3.5M VACCINE DOSES ADMINISTERED WITHIN A WEEK

Of the total, 2,091,639 were first doses, while 1,480,690 were second doses

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA has administered over 3.5 million vaccine doses within the span of a week from July 28 to Aug 3.

Of the total, 2,091,639 were first doses, while the remaining 1,480,690 were second doses.

Since the inception of the Covid-19 National Immunisation Programme (NIP) on Feb 24, a total of 22,152,367 vaccine doses were dispensed nationwide, involving 14,711,532 first doses and 7,440,835 second doses.

The country recorded a record high of daily vaccination at 556,404 on July 29, a slight increase from the previous record high at 553,871 on July 27.

According to the Special Committee for Ensuring Access to Covid-19 Vaccine Supply, citing data from the Covid-19 Immunisation Task Force, 62.8 per cent of adult population in the country

had received their first dose as of Aug 3.

The Klang Valley, comprising Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya, topped the list with 97.8 per cent of its adult population having been inoculated with the first dose.

This, however, is just shy of the target to have 100 per cent of the adult population in the Klang Valley to receive at least one dose under the Operation Surge Capacity, which commenced from July 16 to Aug 1.


Other states and federal territory that recorded over 50 per cent of its adult population receiving at least their first dose were Labuan at 95.3 per cent, Sarawak (85.2 per cent), Negri Sembilan (74.5 per cent), Perlis (64 per cent), Penang (58.9 per cent) and Melaka at 52.2 per cent.

As for the fully vaccinated adult population, it stood at 31.8 per cent as of Aug 3.

Labuan and Sarawak topped the list with 82.7 per cent and 68 per cent of its adult population having been fully vaccinated, respectively.

States inching its way to reach 50 per cent of its adult population being fully vaccinated were Perlis at 44.2 per cent, Negri Sembilan (41.4 per cent) and Klang Valley at 41.3 per cent.

Recently, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said that the government had targeted for



A health officer administering the Covid-19 vaccine at a vaccination centre in Bangi Avenue Convention Centre in Section 2, Taman Bangi Avenue, Kajang yesterday. PIC BY ROHANIS SHUKRI

100 per cent of Malaysia's adult population to receive their two doses by October.

The premier said the revised target was much earlier than the original aim of inoculating with two doses, 80 per cent of the country's adult population by the first quarter of next year.

According to Oxford University's Our World in Data website, Malaysia's daily Covid-19 vaccine

administered per 100 people in the population stood at 1.65 on Aug 2.

The rate was significantly higher compared with other countries such as Singapore, which stood at 1.09 up to Aug 1, Turkey (0.98), Japan (0.77), South Korea (0.74), Canada (0.6), the European Union (0.52), the United Kingdom (0.31 up to Aug 1) and the United States (0.2).

LACK OF HOSPITAL BEDS

HTAR denies claims that patients made to sit on floor

SHAH ALAM: The Tengku Ampuan Rahimah Hospital (HTAR) Klang has denied claims that the patients in the hospital had to sit on the floor using cardboards.

Hospital director Dr Zulkarnain Mohd Rawi, in a statement posted on the HTAR Facebook page, said that investigations revealed that no patients were found sitting on the floor using cardboards at the Emergency and Trauma Department.

"In the event that there are not enough beds to accommodate the number of patients, they will be temporarily asked to sit on chairs or wheelchairs," he said.

He explained that Covid-19 patients, who were transferred from the Emergency and Trauma Department to a temporary ward located at the Ambulatory Care Complex, were comfortable as it was equipped with an air-conditioning facility.

"The department is currently waiting for the opening of a field hospital at HTAR, which is expected to start operating in the next few days, to accommodate the relatively large number of Covid-19 patients," he said.

Dr Zulkarnain was responding to a screenshot of an online news portal report shared by a local politician on his Facebook page with claims of inadequate medical supplies and equipment at the HTAR. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

19,819 cases, 257 deaths

Two new gloomy records set within the same day

PUTRAJAYA: Malaysia's Covid-19 daily figures have set two new gloomy records – 19,819 new cases and 257 deaths were reported.

The latest total cases reported yesterday surpassed the previous record of 17,786 on July 31.

The daily record for deaths before this was 219, reported on Monday.

In his daily Covid-19 statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 98.1% (19,444 infections) of yesterday's total were either asymptomatic or mild cases.

About 1.9% or 375 cases were those in Categories 3, 4 and 5.

Of yesterday's cases, almost 82% involved patients who were not vaccinated.

At least 54% of the cases (10,810) were those traced from close contacts, while 34% (6,907) were sporadic infections. Another 10% (2,079) were cases linked to clusters, and there were also 23 imported cases.

Selangor remained the state with the highest number of new cases at 8,377.

Four other states also reported more than 1,000 cases: Kuala Lumpur with 2,467, Kedah (1,371), Johor (1,162) and Kelantan (1,003).

Cumulatively, Malaysia has registered 1,183,110 cases since the pandemic began.

Of the 257 deaths, Dr Noor Hisham said 226 were Malaysians while 31 were foreign nationals.



Ambulance service: Volunteers from the Red Crescent Society sending a suspected Covid-19 patient for treatment in Kuala Lumpur. — Bernama

At least 206 casualties had some form of comorbidity. There were 21 cases classified as "brought in dead".

Selangor reported the most number of fatalities with 91, followed by Kuala Lumpur with 74, Johor (25) and Melaka (24).

Malaysia's Covid-19 death toll has now reached 9,855.

Currently, 1,069 patients are in

intensive care, three more than the day before. A total of 553 patients are on ventilator support.

The total number of active Covid-19 cases continued its ascending trend to 210,552.

Yesterday, there were also 12,704 more patients discharged from treatment. Total recoveries now stand at 962,733 or 81.4% of all cases.

As at Aug 3, the national infectivity rate was at an Rt of 1.07, with Kelantan having the highest at 1.31.

Out of 35 new Covid-19 clusters reported by the Health Ministry, 13 were in Kelantan.

Nine of the clusters in the east coast state were community outbreaks, including those stemming from the recent Hari Raya Aidiladha festivities.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEW WITHOUT BORDERS

'No patients made to sit on hospital floor'

SHAH ALAM: Tengku Ampuan Rahimah Hospital (TARH) Klang has denied claims that patients at the hospital had to sit on the floor using cardboards.

Hospital director Dr Zulkarnain Mohd Rawi said in a statement post on the TARH Facebook page that investigations showed no patients were found sitting on the floor using cardboards at the Emergency and Trauma Department.

"In the event that there are not enough beds to accommodate the number of patients, they will be temporarily asked to sit on chairs or wheelchairs."

Zulkarnain said Covid-19 patients, who were transferred from the Emergency and Trauma Department to a temporary ward at the Ambulatory Care Complex, were comfortable as it was equipped with an air-conditioning facility.

"The department is waiting for the opening of a field hospital at TARH, which is expected to start operating in the next few days, to accommodate the relatively large number of Covid-19 patients."

He was responding to a screenshot of an online news portal report shared by a local politician on his Facebook page claiming inadequate medical supplies and equipment at the TARH.
- Bernama